

614:

MAHATHIR - KELUARGA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI)

1976  
KUALA LUMPUR, 9 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA MALAM INI PERTUBUHAN YANG TERLIBAT DENGAN PERANCANG KELUARGA DAN DOKTOR-DOKTOR HENDAKLAH MENGAWASI KEPADA SIAPA PIL-PIL PERANCANG PATUT DIBERIKAN.

BELIAU BERKATA PENGEDARAN PIL-PIL PERANCANG SECARA TIDAK TERHADAKAN MEMBERI NAMA BURUK KEPADA PERANCANGAN KELUARGA DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG TERLIBAT.

MEREKA YANG BELUM BERKAHWIN TIDAK PATUT SAMA SEKALI MEMAKAN PIL PERANCANG DISEBABKAN OLEH KESAN BURUKNYA DARI SEGI AKHLAK.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MELANCARKAN ULANGTAHUN KE SEPULUH LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA MENERUSI RTM.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN SESEORANG IBU MEMAKAN PIL SETELAH MENDAPAT NASIHAT DOKTOR DAN CUMA DIGUNAKAN SELEPAS MEMBUKTIKAN TENTANG KEUPAYAANNYA MELAHIRKAN ANAK.

KATANYA, PADA MASA INI RAMAI WANITA YANG BARU BERKAHWIN MENGGUNAKAN PIL SEBELUM MENDAPAT SEORANG ANAK PUN.

PERBUATAN INI TIDAK PATUT DILAKUKAN KERANA PENGGUNAAN PIL OLEH SEORANG WANITA YANG MUNGKIN CUMA BOLEH MENDAPATKAN SEORANG ANAK, BOLEH MENYEBABKAN IA MANDUL. — BERSAMBUNG 1848/ZCM

615:

MAHATHIR - KELUARGA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DR. MAHATHIR BERKATA PERANCANG KELUARGA TIDAK SEMESTINYA BERMAKNA MENGURANGKAN BILANGAN ANAK TETAPI MERANCANG SUPAYA IBU, ANAK DAN KELUARGA MENJADI LEBIH SIHAT DAN BAHAGIA.

PERANCANG KELUARGA MERUPAKAN SALAH SATU USAHA KERAJAAN HENDAK MENGESEIMBANGKAN PEMBANGUNAN EKONOMI DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK SOSIAL DI KALANGAN MASYARAKAT.

KATANYA, TIDAK ADA SEBAB BAGI KELUARGA YANG MAMPU TIDAK MAHU MEMPUNYAI BILANGAN ANAK YANG RAMAI, TETAPI KALAU KERANA TIDAK MERANCANG, IBU AKAN MATI DAN ANAK YANG DITINGGALKAN TIDAK SIHAT, TENTULAH KEADAAN MASYARAKAT MENJADI LEBIH BURUK.

OLEH ITU, SESUATU KELUARGA PATUT MEMIKIRKAN TENTANG MASA DEPAN ANAK YANG DILAHIRKAN DAN MERANCANG SUPAYA ANAK ITU DAPAT HIDUP DENGAN SEMPURNA.

INI IALAH KERANA MASYARAKAT TIDAK DAPAT MEMBERI LAYANAN YANG BAIK JIKA BILANGAN PENDUDUK MENJADI TERLALU RAMAI.

BELIAU JUGA MENYERU PIHAK SWASTA DAN BADAN-BADAN KERAJAAN LAIN BEKERJASAMA DENGAN LEMBAGA UNTUK MENCAPAI SEGALA USAHANYA.

KATANYA BADAN-BADAN KERAJAAN JUGA WAJAR MENGADAKAN RANCANGAN-RANCANGAN DENGAN KERJASAMA LEMBAGA SUPAYA HASRAT KERAJAAN DALAM BIDANG KEPENDUDUKAN AKAN MENCAPAI KEJAYAAN SEPERTI YANG DIHARAPKAN. — BERNAMA 1852/ZCM